

Headline	Penduduk lima kampung bergelap		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	20
ArticleSize	450 cm <sup>2</sup>	Journalist	Rosli Ilham
PR Value	RM 52,977		



SEBUAH pencawang elektrik yang ditenggelami banjir di Hulu Dungun ketika banjir baru-baru ini.

## PENCAWANG ELEKTRIK DITENGGELAMI BANJIR

# Penduduk lima kampung bergelap

Oleh Rosli Ilham  
am@hmetro.com.my

### Dungun

**P**enduduk lima kampung di Hulu Dungun dekat sini, terpaksa bergelap selain berdepan masalah talian telekomunikasi setiap kali banjir melanda dan ia dikatakan berlarutan sejak 10 tahun lalu.

Menurut penduduk, ia berlaku disebabkan pencawang elektrik di kawasan kampung berkenaan ditenggelami banjir menyebabkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa mengambil tindakan memutuskan bekalan elektrik.

Penduduk, Che Ku Fahimi Che Ku Mat Salleh, 55, berkata, kampung terbabit ialah Kampung Tepus, Minda, Kuala Jengai, Ran-



*Ada penduduk yang terpaksa meredah arus sungai deras untuk memohon bantuan serta mendapatkan bekalan makanan berikutan tidak dapat berhubung dengan pihak berkaitan”*

**Che Ku Fahimi  
Che Ku Mat Salleh**

tau Panjang dan Talong membabitkan kira-kira 700 rumah.

Menurutnya, ia bukan saja menyebabkan penduduk terpaksa bergelap malah menyukarkan penduduk berhubung dengan pusat pemindahan sementara



ra (PPS).

“Bila tiada bekalan elektrik, mangsa banjir sukar untuk mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa.

“Ada penduduk yang terpaksa meredah arus sungai deras untuk memohon

bantuan serta mendapatkan bekalan makanan berikutan tidak dapat berhubung dengan pihak berkaitan,” katanya.

Katanya, biarpun berdepan dengan risiko, penduduk tiada pilihan kerana hanya itu cara yang ada untuk mendapatkan bantuan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Besi Ghazali Sulaiman berkata, keadaan itu berlarutan sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, beliau sudah berbincang dengan pihak TNB untuk menyelesaikan masalah itu.

“TNB sudah mengambil langkah untuk menaik taraf pencawang yang ditenggelami banjir dan kami harap, masalah itu dapat diselesaikan segera,” katanya.